

20 SEP 2002

BELANJAWAN-RDC

PELBAGAI GALAKAN UNTUK MENJADIKAN MALAYSIA SEBAGAI PUSAT PERHUBUNGAN  
SERANTAU

KUALA LUMPUR, 20 Sept (Bernama) -- Kerajaan telah mencadangkan untuk memberikan pengecualian cukai sepenuhnya ke atas pendapatan berkanun selama 10 tahun bagi meluluskan Pusat Pengedaran Serantau (RDC) untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat perhubungan serantau.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata semasa membentangkan Belanjawan 2003 di Dewan Rakyat hari ini, antara galakan yang lain untuk RDC ialah dividen yang dibayar daripada pendapatan yang dikecualikan cukai diberikan pengecualian di peringkat pemegang saham, pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas barangan bagi tujuan pengedaran dan jawatan pegawai dagang diluluskan mengikut keperluan mereka.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata, walaubagaimanapun, cadangan itu adalah tertakluk kepada syarat-syarat tertentu:

- \* RDC diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965
- \* jumlah tahunannya tidak kurang daripada RM100 juta
- \* RDC hendaklah berlokasi di zon bebas (kawasan perindustrian bebas atau kawasan perdagangan bebas) atau gudang berlesen (awam atau persendirian) atau gudang pengilangan berlesen (LMW) dan
- \* RDC tidak dibenarkan menjual lebih daripada 20 peratus daripada barangan edarannya ke pasaran tempatan.

Dr Mahathir berkata pengecualian cukai ke atas pendapatan statutori dan dividen di peringkat pemegang saham yang diberi kepada RDC diperluaskan juga kepada Pusat Perolehan Antarabangsa (IPC).

Permohonan untuk galakan hendaklah dikemukakan untuk kelulusan Menteri Kewangan melalui Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) mulai 21 Sept dan akan datang. -- BERNAMA

SM OS